



5 November 2014
5 November 2014
P.U. (A) 291

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM,
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL
DARIPADA AKTIVITI HARAM
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2014

*ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES
(AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PINDAAN JADUAL PERTAMA)
2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan Jadual Pertama) 2014**.

Penggantian Jadual Pertama

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Seksyen 3, takrif “institusi pelapor”]

BAHAGIAN I

1. Aktiviti yang dijalankan oleh—
 - (a) bank berlesen;
 - (b) bank pelaburan berlesen;
 - (c) penanggung insurans berlesen yang menjalankan perniagaan hayat;
 - (d) penasihat kewangan yang diluluskan berhubung dengan perniagaan hayat;

- (e) broker insurans yang diluluskan berhubung dengan perniagaan hayat;
- (f) pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan; dan
- (g) broker wang yang diluluskan,

sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*].

2. Aktiviti yang dijalankan oleh—

- (a) bank Islam berlesen;
- (b) bank Islam antarabangsa berlesen;
- (c) pengendali takaful berlesen yang menjalankan perniagaan takaful keluarga;
- (d) pengendali takaful antarabangsa berlesen yang menjalankan perniagaan takaful keluarga;
- (e) penasihat kewangan Islam yang diluluskan berhubung dengan perniagaan takaful keluarga;
- (f) broker takaful yang diluluskan berhubung dengan perniagaan takaful keluarga; dan
- (g) pengeluar instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan yang diluluskan,

sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*].

3. Aktiviti yang dijalankan oleh institusi yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*].

4. Aktiviti—

- (a) berniaga dalam sekuriti;
- (b) berniaga dalam kontrak niaga hadapan; atau
- (c) pengurusan kumpulan wang,

yang dijalankan oleh pemegang lesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*].

5. Aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*].

6. Aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 [*Akta 535*].

7. Aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan pos sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Pos 2012 [*Akta 741*].

8. Aktiviti yang dijalankan oleh rumah perjudian terbuka sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*].

9. Aktiviti yang dijalankan oleh anggota sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Akauntan 1967 [*Akta 94*].

10. Aktiviti yang dijalankan oleh peguam bela dan peguam cara sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*].

11. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang diterima masuk sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sabah 1953 [*Sabah Bab 2*].

12. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang diterima masuk sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sarawak 1953 [*Sarawak Bab 110*].
13. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang ditetapkan oleh Menteri atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai setiausaha sesuatu syarikat menurut seksyen 139A Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*].
14. Aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pertaruhan Pool 1967 [*Akta 384*].
15. Aktiviti yang dijalankan oleh agensi totalizator sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perlumbaan (Lembaga Totalizator) 1961 [*Akta 494*].
16. Aktiviti yang dijalankan oleh kelab lumba kuda sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kelab Lumba Kuda (Ambil Tagan Awam) 1965 [*Akta 404*].
17. Aktiviti yang dijalankan oleh notari awam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Notari Awam 1959 [*Akta 115*].
18. Aktiviti yang dijalankan oleh syarikat amanah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*].
19. Aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [*Akta 532*].
20. Aktiviti yang dijalankan oleh pemberi pinjam wang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*].